

**HUBUNGAN PROGRAM PENDIDIKAN PERAKAUNAN UNIVERSITI
PENDIDIKAN SULTAN IDRIS DENGAN PENGHASILAN
GURU EFEKTIF**

NOR FADZLIN BINTI JAMALUDDIN

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
MOD PENYELIDIKAN DAN KERTAS KERJA**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2013

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneliti hubungan pelaksanaan program akademik terhadap penghasilan guru efektif di Jabatan Perakaunan, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Reka bentuk kajian adalah kajian secara tinjauan iaitu data dikumpulkan dengan menggunakan soal selidik. Jumlah sampel kajian adalah seramai 82 orang guru pelatih daripada Jabatan Perakaunan. Analisis deskriptif digunakan untuk mencari taburan frekuensi bagi faktor-faktor demografi. Analisis kolerasi digunakan untuk menentukan hubungan antara elemen-elemen dalam kurikulum Program Pendidikan Perakaunan dengan penghasilan guru efektif. Dapatan kajian menunjukkan tiada hubungan yang signifikan antara subjek bagi kursus universiti, kursus pendidikan dan kursus major dengan penghasilan guru efektif. Walau bagaimanapun, terdapat hubungan yang signifikan dalam salah satu ciri guru efektif iaitu jangkaan guru terhadap pelajar bagi subjek kursus pendidikan dan major. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dengan penghasilan guru efektif. Ini menunjukkan seorang guru pelatih yang mempunyai sikap yang positif terhadap bidang pendidikan dapat menghasilkan guru efektif. Kajian yang lebih menyeluruh dengan sampel yang lebih besar perlu dilaksanakan bagi membantu memantapkan kursus-kursus yang ditawarkan untuk membantu melahirkan guru efektif pada masa depan.



**RELATIONSHIP OF ACCOUNTING EDUCATION PROGRAM IN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS TOWARDS DEVELOPING
EFFECTIVE TEACHERS.**

ABSTRACT

The purpose of this study is to identify the relationship of academic program implementation in developing effective teachers in Accounting Department, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Quantitative research is use as a research design. Data is collected by questionnaire. The total of research sample is 82 training teachers from Accounting Department. Descriptive analysis is used to identify the frequency about demographic factors. Correlation analysis is used to determine the relationship between curriculum in Accounting Education Program and developing effective teachers. There are significant relationship between curriculum in Accounting Education Program (Education and Major courses) and developing effective teachers (Expectation towards students). As well as curriculum, the research result shows there is significant relationship between attitude and developing effective teachers. The implication of this study shows that the training teacher who has positive attitude towards education field could be an effective teacher. The future research with a large sample is needed to implement to enrich the courses offered to develop an effective teachers.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

KANDUNGAN

	Muka surat
PENGAKUAN	ii
DEDIKASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Sejarah Penubuhan UPSI	8
1.3 Penyataan Masalah	10
1.4 Tujuan Kajian	14
1.5 Objektif Kajian	14
1.6 Persoalan kajian	15
1.7 Hipotesis Kajian	15
1.8 Kepentingan Kajian	16

3.6	Kajian Rintis	57
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	59
3.8	Penganalisan Data	61
3.9	Kesimpulan	61
BAB	4 DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	62
4.2	Demografi	63
4.2.1	Jantina Responden	63
4.2.2	Keturunan Responden	64
4.2.3	Keputusan Prinsip perakaunan SPM Responden	65
4.2.4	Keputusan Akademik Universiti Responden	66
4.2.5	Taburan Ahli Keluarga Responden Yang Bekerja Sebagai Pendidik	67
4.2.6	Kesanggupan Responden Ditempatkan Di Pedalaman	68
4.3	Keputusan Prinsip Perakaunan dengan sikap guru pelatih	70
4.4	Sikap dengan penghasilan guru efektif	70
4.5	Kurikulum kursus Universiti dengan Penghasilan Guru Efektif	73


4.6	Kurikulum Kursus Pendidikan dengan Penghasilan Guru Efektif	80
4.7	Kurikulum Kursus Major Dengan Penghasilan Guru Efektif	87
4.8	Rumusan Dapatan Kajian	93
4.9	Kesimpulan	94
BAB 5	PERBINCANGAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	95
5.2	Perbincangan	
5.2.1	Demografi guru pelatih	96
5.2.2	Sikap guru pelatih mempengaruhi penghasilan guru efektif	100
5.2.3	Perkaitan Antara Elemen Kurikulum (Universiti, Pendidikan, Major dengan penghasilan guru efektif)	103
5.3	Kesimpulan dan implikasi	106
5.4	Cadangan	111
	RUJUKAN	113
	LAMPIRAN A : Borang soal selidik	119
	LAMPIRAN B : Borang kebenaran	131

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS


SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
3.1	Skala likert	56
3.2	Menguji kesahan	58
3.3	Menguji kesahan Soal selidik	58
4.1	Jantina Responden	63
4.2	Keturunan Responden	64
4.3	Keputusan Prinsip perakaunan SPM Responden	65
4.4	Keputusan Akademik Universiti Responden	66
4.5	Taburan Ahli Keluarga Responden Yang Bekerja Sebagai Pendidik	67
4.6	Kesanggupan Responden Ditempatkan Di Pedalaman	68
4.7	Pencapaian prinsip perakaunan peringkat SPM terhadap sikap mengajar guru pelatih	69
4.8	Sikap dengan penghasilan guru efektif	70
4.9	Analisis dapatan persoalan kajian Sikap : Adakah sikap guru pelatih mempunyai perkaitan dengan penghasilan guru efektif.	71
4.10	Kurikulum kursus Universiti dengan setiap item dalam penghasilan guru efektif	73
4.11	Kursus Universiti dengan penghasilan guru efektif	74

- UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
- N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
- 4.12 Analisis dapatan persoalan kajian elemen kurikulum kursus Universiti. Apakah pemahaman guru pelatih terhadap elemen kursus Universiti mempengaruhi penghasilan guru efektif. 75
- 4.13 Kurikulum Kursus Pendidikan dengan setiap item dalam Penghasilan Guru Efektif 80
- 4.14 Kursus Pendidikan dengan penghasilan guru efektif 81
- 4.15 Analisis Dapatan persoalan kajian elemen kurikulum kursus Pendidikan. Apakah pemahaman bakal guru pelatih terhadap elemen kursus Pendidikan mempengaruhi penghasilan guru efektif. 82
- 4.16 Kurikulum Kursus Major dengan setiap item dalam Penghasilan Guru Efektif 87
- 4.17 Kurikulum kursus major dengan penghasilan guru efektif 88
- 4.18 Analisis Dapatan persoalan kajian elemen kurikulum kursus Major. Apakah pemahaman bakal guru pelatih terhadap elemen kursus Major mempengaruhi penghasilan guru efektif. 89
- 

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
2.1 Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (softskill)	47
3.1 Kerangka Model Penyelidikan	52



SENARAI SINGKATAN

ABM	Alat bantu mengajar
DEE	Department for Education and Employment
IPG	Institut Pendidikan Guru
KGGMB	Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat
KPLI	Kursus Perguruan Lepas Ijazah
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
LO	Hasil pembelajaran/ Learning Outcome
NCTAF	Laporan National Commission on Teaching and America's Future
PKK	Pengetahuan pedagogi kandungan
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	Statistical Package for Sosial Science
UNESCO	United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Perkembangan dan cabaran dunia pendidikan yang dinamik masa kini menuntut guru membuat anjakan paradigma yang menyeluruh. Pergolakan dalam bidang pendidikan memerlukan guru meneliti setiap aspek pengajaran dan pembelajaran bagi memastikan perubahan yang dilakukan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh setiap ahli masyarakat dalam sesebuah institusi pendidikan. Justeru itu, guru merupakan penggerak dan pendorong utama kepada semua proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di dalam bilik darjah. Kedua-dua peranan tersebut

amat penting dalam usaha meningkatkan keinginan murid untuk terus menerokai pengetahuan baru yang kadang kala menjangkau batasan keupayaan murid untuk belajar. Oleh itu, guru harus menggunakan segala kemahiran yang ada untuk menarik minat murid, bukan sahaja untuk meneruskan proses pembelajaran, malah melangkah batasan keupayaan optima mereka untuk belajar.

Selain dapat membantu murid mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih mudah, guru juga perlu prihatin terhadap perkembangan dan keperluan semasa murid (Juliawati Ibrahim, 2006) dan (Ruslin et al, 2003). Oleh itu, guru di sekolah hendaklah memainkan peranan sebagai agen memodenkan masyarakat dalam semua bidang bagi mencapai kemajuan. Ini bermakna, pendidikan di sekolah perlu mementingkan nilai kemasyarakatan dan perkembangan sifat perseorangan pelajar mengikut arus pembaharuan semasa. Dalam kata lain tanggungjawab guru ini menjadi semakin berat dan kompleks kerana rakyat masa depan yang hendak dihasilkan itu bukan sahaja perlu diterapkan dari segi pemikiran dengan nilai teknologi tinggi semata-mata, tetapi perlu diseimbangkan dengan nilai moral dan etika yang murni.

Arus globalisasi dan perubahan dalam dasar pendidikan Malaysia menuju ke arah kemajuan sosio ekonomi pula membuktikan guru perlu meningkatkan profesionalisme diri untuk seiring dengan ledakan maklumat terkini. Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK) adalah ilmu pengetahuan yang penting dipelajari oleh

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

guru pelatih jika pengajaran berkesan hendak dilakukan. PPK adalah ilmu yang sangat penting yang perlu dipelajari oleh semua guru pelatih. Pengetahuan ini diperlukan bagi melaksanakan pengajaran yang berkesan. PPK adalah keupayaan guru untuk menterjemahkan isi kandungan subjek dengan mengubahsuaikannya berdasarkan pengetahuan sedia ada pelajar, minat dan kebolehan pelajar dengan tujuan isi kandungan itu mudah dikuasai semua pelajar. (Abd. Razak Habib, Abd. Rashid Johar, T. Subahan dan Mohd Maerah , 2001).

Dalam usaha melahir dan melestarikan guru yang berkualiti, kementerian telah menaikkan taraf Maktab Perguruan kepada Institut Pendidikan Guru (IPG). Pengiktirafan ini telah diluluskan dalam mesyuarat Jemaah Menteri pada 13 Julai 2005. Dengan menaik taraf Maktab Perguruan kepada Institut Pendidikan Guru (IPG), Kementerian Pendidikan telah memantapkan pemilihan bakal guru dan memberi latihan serta menambah baik kerjaya keguruan dan persekitaran kerjanya. Proses seperti ini dapat meyakinkan bahawa guru yang diambil merupakan guru yang mampu menyempurnakan misi pendidikan negara. Institusi pendidikan ialah suatu institusi yang amat penting dalam menentukan kemajuan dan kesejahteraan sesebuah masyarakat. Tanpa pendidikan yang efektif, sesebuah masyarakat tidak akan dapat membina ilmu pengetahuan, menguasai kemahiran dan mengamalkan nilai-nilai murni yang diperlukan bagi merealisasikan wawasan negara. Oleh itu, beberapa siri reformasi pendidikan telah dilakukan selepas negara kita mencapai kemerdekaan supaya sistem persekolahan adalah selaras dengan tujuan

pembangunan negara (Wan Mohd Zahid, 1993). Pada dasarnya sistem pendidikan ingin melahirkan generasi yang seimbang dari segi jasmani, rohani, intelek dan emosi. Mutu pendidikan yang baik secara langsung atau tidak langsung akan memberi sumbangan kepada pembentukan generasi cemerlang.

Dengan menaikkan taraf Maktab Perguruan kepada Institusi Pendidikan Guru maka syarat pengambilan calon guru telah diperketatkan. Pada tahun 2005 pelbagai usaha telah dirancangan dalam pengambilan pengajar yang bertujuan bagi melahirkan tenaga pengajar yang mahir dan berwibawa. Tiga pelan tindakan telah dirangka mencakupi Program Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) dan calon lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Calon bagi Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) perlu memiliki ijazah yang menepati bidang yang dipohon, menduduki Ujian Pemilihan Calon Guru Malaysia dan Ujian Malaysia Educator Selection Inventory (MEdSI), seorang yang aktif dalam kokurikulum, melepasi tapisan keselamatan, bebas dari penyalahgunaan bahan dadah dan lulus temuduga. Melalui proses seperti ini dapat meyakinkan bahawa guru yang di ambil mampu menyumbang dan merealisasikan wawasan Negara Ujian MEdSI pula diwujudkan adalah bagi memastikan calon yang memohon betul-betul berminat untuk menjadi guru dan mempunyai kebolehan mengajar. Pemilihan guru bukan sekadar akademik semata-mata malah mereka juga perlu aktif dalam kegiatan kokurikulum bagi membentuk modal insan yang cemerlang.

Kualiti guru adalah asas kecemerlangan pelajar dan sekolah. Kewibawaan guru merupakan tunggak kepada profesionalisme guru. Guru perlu membuat refleksi mendalam tentang diri sendiri dan amalan pengajaran pembelajaran. Usaha guru untuk meningkatkan profesionalisme diri perlu merangkumi dari segi pengetahuan, kepakaran, ketrampilan serta pembentukan sahsiah yang berakhlak mulia (Robiah, 1998). Mereka bukan sahaja berkemahiran untuk mengajar dan mengembangkan ilmu pengetahuan, malahan sikap, tingkah laku dan disiplin diri harus dibentuk ke arah professional (Robiah, 1998). Dengan ini, guru dapat bergerak seiring dengan arus perubahan dalam era teknologi dan globalisasi. Mutu pendidikan yang cemerlang banyak bergantung kepada produktiviti yang tinggi dalam kalangan pendidik, terutama para guru (Wan Ashibah, 2003).

Guru efektif sentiasa berfikir dan merancang aktiviti penglibatan murid-murid dalam pengajaran. Kemahiran berkomunikasi dan interaksi kependidikan pelbagai hala guru-murid, murid-murid dan murid-guru menjadi teras keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Murid akan merasa pendapat dan kehadirannya diperlukan serta dihargai. Murid-murid perlu mengenali antara satu sama lain, saling berinteraksi dan menggunakan panggilan baik-baik serta digemari yang membuktikan saling *communicate with interest and enthusiasm*. Semasa menyampaikan pengajaran guru seharusnya mempunyai pemikiran positif dan *husnul-dzan* atau sangka-suka terhadap murid agar ilmu yang disampaikan diterima dengan hati terbuka, ikhlas, ceria dan tulus (Mohammad Johdi Salleh, 2007).

Mengikut Abdul Sukor (2008) menyatakan guru efektif didefinisikan sebagai pendidik yang baik dan dapat memberikan kesan kepada pelajarannya dari segi personaliti dan seterusnya mampu membawa perubahan tingkah laku kepada pelajarannya. Guru yang berkesan juga adalah guru yang memenuhi spesifikasi yang tertentu. Antaranya ciri-ciri kekuatan teori, kaya ilmu, bertindak di atas landasan etika dan tatasusila kerja, bermoral teguh, sentiasa berusaha meningkatkan kualiti hasil pengajaran dan prihatin dengan kehendak murid dan ibubapa (Abdul Shukor, 1999). Guru berkesan juga perlu menonjolkan penampilan yang menarik supaya dapat menjadi model ikutan dalam kalangan murid (Wan Marzuki, 2008). Melville dan Cardinal (2000) menyatakan guru perlu menampilkan ciri-ciri seperti pemilihan pakaian, kebersihan tubuh badan dan kekemasan diri.

Ball (2000) menyatakan guru berkesan mestilah mempunyai komitmen yang tinggi dan bersifat dedikasi terhadap tugas. Guru juga perlu membuat persediaan yang rapi seperti merujuk kepada buku-buku dan menggunakan alat bantu mengajar atau merujuk kepada sumber-sumber lain yang berkaitan untuk memantapkan lagi pengajaran (Ball, 2000). Dalam pendidikan formal, proses pengajaran menjadi elemen terpenting bagi mencapai keberkesanan isi pelajaran yang disampaikan. Proses pengajaran berkesan akan hanya dicapai menerusi pendekatan, kaedah dan teknik yang bersesuaian oleh seorang guru untuk mencapai objektif pengajarannya terhadap isi pelajaran yang disampaikan. Hal ini melibatkan kemahiran serta penguasaan penuh guru terhadap pelajaran yang disampaikan. Persediaan mantap

berkaitan kemahiran dalam proses pengajaran oleh seorang guru membolehkannya menjalankan proses P&P dengan penuh keyakinan dan semangat tinggi.

Dengan demikian, guru akan dapat memberikan sepenuh komitmen dan kesungguhan yang tinggi untuk menyampaikan ilmu pengetahuan kepada para pelajar. Sharifah Alwiah Alsagoff (1983) menyatakan bahawa pengajaran yang berkesan adalah merujuk kepada guru yang dapat membawa pelajar kepada hasil pembelajaran terakhir yang diinginkannya. Hal ini melibatkan corak pengajaran berstruktur dari segi organisasi bilik darjah serta mementingkan isi pelajaran. Selain itu, ia juga merujuk kepada perihal pengajaran guru yang lebih memusatkan kepada para pelajarnya sehingga mereka tertarik mengikuti aktiviti pembelajaran.

Faktor terpenting yang menentukan kejayaan sesuatu inovasi pendidikan adalah guru itu sendiri. Guru adalah pelaksana pendidikan yang merancang, mengajar dan menilai pengajaran dan pembelajaran. Memandangkan peranan guru terhadap reformasi dan inovasi pendidikan adalah begitu tinggi maka tentunya program pendidikan guru perlu dikemas kini supaya selaras dengan perubahan pesat dalam sistem pendidikan negara. Untuk melahirkan guru yang efektif dan dapat melaksanakan tugas mengajar mata pelajaran Perakaunan dengan berkesan maka dengan itu kursus latihan perguruan dan peranan guru pelatih perlu dipertingkatkan mengikut peredaran masa kini.

1.2 Sejarah Penubuhan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

Sejarah penubuhan SITC pada tahun 1922 dianggap sebagai suatu cetusan era yang menyemarakkan alam pemikiran dan pendidikan bangsa Melayu. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) merupakan sebuah institusi pengajian tinggi awam yang penting dalam lipatan sejarah pendidikan negara. Institusi ini berkembang secara bertahap dari sebuah kolej ke sebuah universiti. Secara kronologi, perkembangan UPSI melalui tiga era, iaitu era SITC (29 November 1922 - 1957), era MPSI (1957 - 1987) dan era IPSI (21 Februari 1987 - April 1997). Tiga era ini juga memperlihatkan wadah generasi pendidik yang dilahirkan oleh institusi ini dalam tempoh 75 tahun. Tanggal 1 Mei 1997 bermulalah lembaran barunya sebagai sebuah universiti, apabila universiti ini diperbadankan di bawah Perintah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perbadanan) 1997 dan Perintah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Kampus) 1997 menerusi Warta Kerajaan P.U (A) 132 & 133 yang bertarikh 24 Februari 1997. Peranan R.O. Winstedt tercatat dalam sejarah SITC sebagai tokoh terawal yang mengilhamkan cadangan agar ditubuhkan sebuah maktab pusat bagi melatih guru dan bagi meluaskan skop pendidikan pada ketika itu. Ilham ini timbul setelah kepulangan beliau dari lawatan ke Tanah Jawa dan Filipina. Cadangan ini dibawa ke Persidangan Residen-Residen pada 10 Mei 1917 (<http://www.upsi.edu.my>, 2009).

Dalam Meniti zaman SITC-MPSI-IPSI-UPSI Pengarah Pelajaran Negeri-Negeri Selat Tuan E.C.H Wolff (Malay Mail 30 November 1922) dalam ucapannya sewaktu perasmian SITC menyatakan bahawa hari tersebut menandakan hari bersejarah bagi orang-orang melayu kerana ia merupakan titik tolak dalam perkembangan pendidikan vernakular Melayu. Menurutnya lagi orang-orang melayu merasakan suatu pengiktirafan besar serta penghargaan yang tidak ada tolok bandingnya bagi peningkatkan taraf pelajaran anak-anak melayu. Katanya lagi, biarpun pelajaran Inggeris penting bagi mencapai hasrat untuk memperolehi kedudukan yang tinggi dalam masyarakat, namun pendidikan dalam Bahasa Melayu merupakan tapak pertama dalam mengenali erti hidup yang sebenar. Tuan Wolff (1922) juga menyarankan agar pelajar-pelajar patut mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam bidang pertanian, anyaman, latihan jasmani, pekebunan dan Bahasa Melayu sendiri. Saranan beliau ini merupakan garis kasar pembentukan kurikulum SITC diperingkat penubuhannya. Dalam tahun-tahun berikutnya hingga tahun 1957, SITC telah menerima penuntut-penuntut dari seluruh pelosok Tanah Melayu, Brunei, British Borneo dan Singapura. Kurikulumnya tertumpu kepada pengetahuan asas keguruan di samping kraftangan dan pertanian (Abu Bakar Nordin, Mohd Nazari dan Radzuan Abd Kadir, 2000).

Kini institusi ini telah dinaikan taraf menjadi sebuah universiti bagi memenuhi hasrat kerajaan memberi peluang pendidikan yang lebih tinggi kepada

rakyat khususnya untuk melahirkan golongan pendidik yang berwibawa serta mampu menghadapi cabaran alaf baru. Ia selaras dengan usaha memenuhi keperluan peningkatan pembinaan sumber tenaga manusia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan dan bersahsiah mulia dalam bidang-bidang sains dan teknologi, teknologi perhubungan maklumat, bahasa, kesenian, kesusteraan dan kebudayaan untuk mencapai mutu pendidikan bertaraf dunia.

1.3 Penyataan Masalah

Menurut Penyataan Dasar Standard Tinggi Kualiti Pendidikan Jemaah Nazir Sekolah (2001) menyebut bahawa;

"Orang ramai semakin kerap mempersoalkan kualiti pendidikan di sekolah, seolah-olah tidak lagi menaruh keyakinan kepada kewibawaan sekolah dalam hal ehwal mendidik, terutama apabila mendapati kelakuan murid lepasan sekolah tidak seperti yang diharapkan oleh masyarakat dan negara. Kecemerlangan pada sijil peperiksaan mereka secara realitinya tidak memperlihatkan kematangan berfikir, kepetahan berkomunikasi, ketokohan sebagai pemimpin, kemurnian tingkah laku, keupayaan mencipta dan menyumbang kepada pemajuan negara-bangsa dan global," (hlm.24).

Pelaksanaan program pendidikan guru adalah bertujuan menghasilkan bakal guru yang berkesan berlandaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Walau bagaimanapun, kajian yang dilakukan oleh Jemaah Nazir Persekutuan (1989) dan Asiah Hj. Pariekutty (2002) menyatakan pengkaji barat menyatakan bahawa program latihan yang sedang diamalkan di institusi-institusi pendidikan guru

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
kurang berjaya untuk mendidik guru dengan cemerlang. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa masalah yang dihadapi dalam bidang pendidikan guru ialah teori dan amali tidak bergerak seiring.

Omar Mohd Hashim (2002), menyatakan bahawa laporan yang dikeluarkan oleh National Commission on Teaching and America's Future (NCTAF) (1996), sebab-sebab kegagalan pembentukan dasar pelajaran mereka yang lalu ialah:

Kebanyakan sekolah dan guru tidak dapat menghasilkan pembelajaran yang diperlukan dalam bentuk baru—bukan kerana mereka tidak mahu, tetapi mereka tidak tahu bagaimana, dan sistem yang mereka sedang bekerja tidak menyokong mereka untuk berubah.

Ini menunjukkan bahawa kefahaman dan keupayaan guru yang bakal dilahirkan bukan sahaja bergantung kepada pengetahuan guru berkenaan semata-mata. Dalam hal ini, bagi latihan perguruan membawa makna bahawa program pendidikan keguruan tidak boleh lagi menghadkan aktiviti berkaitan pedagogi dan penyeliaan bebas daripada konteks. Konteks di sini bermaksud mata pelajaran yang diajar atau isi kandungan. Bakal guru perlu mempunyai kesediaan terhadap tanggungjawab yang akan dipikul serta cekap menjalankan tugas di sekolah dan mereka perlu mempunyai kemahiran menarik minat pelajar dan mempunyai keyakinan yang tinggi untuk mengajar mata pelajaran yang diajar.

Dalam hal ini, guru perlu belajar cara mengajar yang berkesan. Selain itu, proses pengambilan bakal-bakal guru kini semakin mendesak menjadi isu. Ramai

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

guru yang diperlukan sedangkan bagi kebanyakan calon yang memohon untuk memasuki profesion perguruan sebagai *occupation of the last resort*. Sekiranya keadaan ini tidak diperbaiki melalui pendidikan perguruan yang berkesan akibatnya nanti, kualiti guru-guru yang terdapat di sekolah-sekolah akan merosot kerana mereka akan menganggap bidang perguruan hanya sebagai satu pekerjaan dan bukannya sebagai satu profesion (Atan Long, 1984). Menurut Abdullah Sani (2005) menyatakan ramai guru yang mengambil bidang perguruan sebagai pilihan terakhir dan mereka tidak mempunyai minat tulen hendak mengajar, sama ada berkelakuan baik atau tidak ia tidak menjadi soal bagi mereka. Terdapat juga beberapa orang guru yang tidak cekap dan menunjukkan sikap tidak acuh. Sumbangan mereka kepada pembentukan dan pengawalan tatatertib yang baik dikalangan murid-murid boleh dikatakan tidak ada sama sekali. Ini kerana mereka mempunyai sikap tidak ambil tahu (Abdullah Sani, 2005). Merujuk kepada sumber lain menyatakan bahawa sifat-sifat yang sepatutnya wujud pada diri seseorang guru semakin berkurangan kerana guru sudah tidak menjiwai tugas sebenar mereka dan memandang profesion perguruan sebagai suatu pekerjaan samata-mata (Azhani, 2008).

Peranan guru adalah penting dalam usaha menyediakan generasi yang seimbang perkembangannya. Mereka yang memilih kerjaya ini seharusnya mempunyai sikap yang positif dan peka terhadap perkembangan sekitar mereka. Profesion ini tidak seharusnya dijadikan sebagai kerjaya terakhir oleh pencari-

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

pencari kerja. Sekiranya keadaan ini dibiarkan berterusan, bidang pendidikan akan dihuni oleh mereka yang tidak berminat dan akibatnya menjejaskan mutu pendidikan negara (Atan Long, 1984). Salleh (1992) menyatakan seseorang itu memerlukan minat yang mendalam dalam sesuatu pekerjaan yang diceburi barulah lahir semangat dedikasi dalam menjalankan tugas, rajin, berdisiplin dan bersedia berkorban kerana pelajar dan pelajaran.

Penyelidik berharap hasil kajian ini dapat memberi gambaran yang jelas kepada pihak Universiti dan Maktab Perguruan khasnya dalam Kursus Pendidikan Perakaunan tentang setakat mana guru-guru pelatih menyedari dan memahami kurikulum yang dipelajari di institusi masing-masing. Data-data yang diperolehi daripada kajian ini boleh digunakan oleh pihak pengurusan untuk merangka strategi dan pelan tindakan untuk membolehkan guru pelatih sedar dan memahami peranan mereka sebagai guru efektif. Diharapkan dapat membantu guru-guru pelatih supaya lebih bersedia dan menyiapkan diri menghadapi kehidupan dan cabaran sebagai pendidik kelak dan seterusnya meningkatkan mutu pendidikan Malaysia. Guru pelatih juga perlu menyelongkar peranan dan tanggungjawab mereka untuk memikul tugas sebagai guru yang berkesan tercapai sekiranya mereka mempunyai pengetahuan, kemahiran, sikap dan minat, serta keyakinan untuk mengajar mata pelajaran bidang masing-masing. Oleh itu kajian ini amatlah penting demi melahirkan bakal-bakal guru yang mempunyai elemen-